



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN PERTAMA 2023**

Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 3.4 peratus pada Suku Tahun Pertama 2023

PUTRAJAYA, 8 Mei 2023 – Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan laporan **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN PERTAMA 2023** yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia pada hari ini. IHPRP mencatatkan 114.7 mata pada suku tahun pertama 2023, meningkat 3.4 peratus berbanding 110.9 pada suku yang sama tahun sebelumnya.

Dalam kenyataan pada hari ini, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Kebanyakan subsektor merekodkan peningkatan harga pada suku ini, khususnya dalam Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman dengan 8.3 peratus (ST4 2022: 8.0%) disumbangkan oleh peningkatan dalam Restoran & Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (9.8%). Subsektor Pengangkutan meningkat 6.5 peratus (ST4 2022: 5.3%) disumbangkan oleh Pengangkutan Penumpang Udara (25.6%).”

Sementara itu, indeks Kesenian, Hiburan & Rekreasi (ST4 2022: 5.3%) dan Pendidikan (ST4 2022: 1.1%) masing-masing merekodkan 1.1 peratus kenaikan disebabkan oleh Aktiviti Hiburan & Rekreasi Lain (1.9%) dan Pendidikan Menengah (1.9%). Beliau turut menjelaskan bahawa subsektor lain yang merekodkan kenaikan adalah Profesional (0.5%) dan Kesihatan (0.4%). Walau bagaimanapun, indeks bagi Aktiviti Hartanah dan Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah.

Ulas Ketua Perangkawan Malaysia juga, “Suku tahun ke suku tahun, IHPRP meningkat 0.3 peratus berbanding 0.4 peratus yang dilaporkan pada suku tahun sebelumnya.

Peningkatan ini disebabkan oleh indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (1.3%), Pendidikan (0.5%), Pengangkutan (0.3%), Kesihatan (0.2%) dan Profesional (0.1%). Walau bagaimanapun, indeks bagi Kesenian, Hiburan & Rekreasi mencatatkan penurunan negatif 1.7 peratus. Indeks bagi Aktiviti Hartanah dan Maklumat & Komunikasi kekal tidak berubah.”


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengistiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan (2010=100), Suku Tahun Pertama 2023

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)	
	ST1 2022	ST4 2022	ST1 2023	ST1 2023/ ST4 2022	ST1 2023/ ST1 2022
JUMLAH	110.9	114.3	114.7	0.3	3.4
Pengangkutan	104.4	110.9	111.2	0.3	6.5
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	138.1	147.7	149.6	1.3	8.3
Maklumat & Komunikasi	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
Aktiviti Hartanah	126.9	126.9	126.9	0.0	0.0
Profesional	103.9	104.3	104.4	0.1	0.5
Pendidikan	116.5	117.2	117.8	0.5	1.1
Kesihatan	107.4	107.6	107.8	0.2	0.4
Kesenian, Hiburan & Rekreasi	100.1	102.9	101.2	-1.7	1.1



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 MEI 2023**



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, MALAYSIA
FIRST QUARTER 2023**

***The Services Producer Price Index increased 3.4 per cent
in the First Quarter of 2023***

PUTRAJAYA, May 8th, 2023 – The Department of Statistics Malaysia published a report on the **SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), FIRST QUARTER 2023** which measures changes in producer prices for the local services sector in Malaysia, today. The SPPI averaged 114.7 points in the first quarter 2023, an increase of 3.4 per cent as compared to 110.9 in the same quarter of the preceding year.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia said in the statement, “Most subsectors recorded an increase of prices in this quarter, particularly Accommodation and Food & Beverage Service Activities, with 8.3 per cent (Q4 2022: 8.0%) attributed to the increase in Restaurants & Mobile Food Service Activities (9.8%). The Transportation subsector increased 6.5 per cent (Q4 2022: 5.3%), contributed by Passenger Air Transport (25.6%).”

Meanwhile, the Arts, Entertainment & Recreation (Q4 2022: 5.3%) and Education (Q4 2022: 1.1%) indices recorded an increase of 1.1 per cent, respectively, owing to the Other Amusement & Recreation Activities (1.9%) and Secondary Education (1.9%). He also explained that other subsectors which recorded an increase were Professional (0.5%) and Health (0.4%). Nevertheless, the index of Real Estate Activities and Information & Communication remained unchanged.

The Chief Statistician Malaysia elaborated that, “Quarter-on-quarter, SPPI rose 0.3 per cent as compared to 0.4 per cent recorded in the previous quarter. The increase was due to the Accommodation and Food & Beverage Service Activities (1.3%), Education (0.5%), Transportation (0.3%), Health (0.2%) and Professional (0.1%) indices. Meanwhile, the index of Arts, Entertainment & Recreation recorded a decrease of negative 1.7 per cent. Index of Real Estate Activities and Information & Communication remained unchanged.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Table 1: Services Producer Price Index (2010=100), First Quarter 2023

Subsector	Index			Percentage Change (%)	
	Q1 2022	Q4 2022	Q1 2023	Q1 2023/Q4 2022	Q1 2023/Q1 2022
TOTAL	110.9	114.3	114.7	0.3	3.4
<i>Transportation</i>	104.4	110.9	111.2	0.3	6.5
<i>Accommodation and Food & Beverage Service Activities</i>	138.1	147.7	149.6	1.3	8.3
<i>Information & Communication</i>	101.1	101.1	101.1	0.0	0.0
<i>Real Estate Activities</i>	126.9	126.9	126.9	0.0	0.0
<i>Professional</i>	103.9	104.3	104.4	0.1	0.5
<i>Education</i>	116.5	117.2	117.8	0.5	1.1
<i>Health</i>	107.4	107.6	107.8	0.2	0.4
<i>Arts, Entertainment & Recreation</i>	100.1	102.9	101.2	-1.7	1.1



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8th MAY 2023**